

15 AUG 1997

BN-Pas

BN MINTA PAS TERIMA KEKALAHAN TANPA ALASAN

PASIR PUTEH, 15 Ogos (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Kelantan hari ini meminta PAS menerima hakikat bahawa kekalahannya pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan Semerak Isnin lepas adalah kerana rakyat di kawasan itu inginkan perubahan dalam pucuk pimpinan.

Pengerusi BN Kelantan Datuk Annuar Musa berkata, PAS tidak perlu mengemukakan pelbagai alasan yang tidak munasabah yang memalukan pemimpin PAS sendiri berhubung kekalahan mereka dalam pilihan raya kecil itu.

"Adalah lebih baik mereka menerima sahaja ketetapan yang telah dibuat oleh tuhan ...daripada membuat tuduhan melulu yang mereka sendiri tidak dapat buktikan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat antara anggota jawtakuasa Umno bahagian Pasir Puteh dan Bahagian Badan Perhubungan Umno Kelantan di sini.

Annuar yang juga Timbalan Ketua Perhubungan Umno negeri berkata demikian bagi mengulas dakwaan PAS bahawa kekalahan parti itu di kubu kuat sendiri berpunca daripada tindakan BN membawa masuk "pengundi hantu" daripada luar kawasan Semerak.

Menteri Besar Kelantan yang juga Mursyhid Am PAS Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata, kemenangan calon BN Kamarudin Mohd Nor pada pilihan raya kecil tiga penjurong itu dengan majoriti 778 undi adalah di luar dugaan sambil menyifatkan ada pihak menyeleweng melalui perancangan yang teliti.

Annuar berkata, tuduhan PAS itu tidak berasas sama sekali kerana pertambahan jumlah pengundi pada pilihan raya umum 1995 dan pilihan raya kecil yang baru ini adalah kurang 50 orang, sebaliknya majoriti yang diperolehi adalah besar.

Beliau berkata BN mencapai kemenangan besar setelah sebahagian besar kira-kira 400 anggota PAS turut mengundi calon BN setelah mereka tertarik dengan pendekatan BN bagi membangunkan Kelantan.

"Sebaliknya Pas terus menekankan soal remeh-temeh dalam kempen mereka hingga menyebabkan anggota PAS sendiri berpaling tadah," katanya lagi.

Pada pilihan raya di Semerak, Kamarudin yang mendapat 5,370 undi mengalahkan calon Pas Wan Mohd Fauzi Wan Hussain (4,592 undi) dan calon Angkatan Keadilan Insan Malaysia Mohd Din Nizamdin (27 undi).

Sementara itu Annuar berkata, kira-kira 20,000 rakyat Kelantan dijangka menghadiri perhimpunan penutupan Majlis Konvensyen Umno Kelantan pada 29 Ogos ini di Semerak bagi mendengar amanat yang akan disampaikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Antara yang akan menghadiri majlis itu ialah wakil daripada 1,800 cawangan Umno Kelantan serta pemimpin BN dari seluruh negeri, katanya.

Beliau berkata sehari sebelum itu, konvensyen itu akan membincangkan satu resolusi penting berhubung dengan masa depan BN di Kelantan yang akan dibincangkan oleh pelbagai pihak.

"Umno Kelantan juga telah bersetuju untuk mengundang antara lain tokoh akademik, media massa dan Pertubuhan Bukan Kerajaan sebagai panel dalam konvensyen itu," katanya. -- BERNAMA

WM PR